

TNB cadang bina empangan tangani bencana banjir besar di Kelantan

KOTA BHARU – Tenaga Nasional Berhad (TNB) merancang untuk membina sebuah empangan hidroelektrik di kawasan Sungai Nenggiri yang terletak dekat Hulu Kelantan bagi menangani bencana banjir besar seperti yang berlaku di Kelantan akhir tahun lalu.

Pengurus Besar TNB (Bahagian Pembahagian) Kelantan, Md. Yuslan Md. Yusuf (**gambar kecil**) berkata, pembinaan



empangan yang dijangka siap pada tahun 2024 itu melibatkan kos yang tinggi.

Menurutnya, masih terlalu awal untuk mendedahkan anggaran kos projek tersebut dan keluasan empangan itu, namun ia dijangka dimulakan dalam masa terdekat selepas urusan tender selesai.

“Empangan ini mampu menjana tenaga sehingga 250 megawatt

(MW) yang akan disalurkan kepada gred nasional manakala sebuah lagi empangan iaitu Empangan Pergau yang terletak merentasi Sungai Pergau, Jeli dekat sini mempunyai kapasiti 600MW.

“Empangan baharu yang dicadangkan Jabatan Pengairan dan Saliran ini mungkin boleh dibina di Sungai Lebir dan Sungai Nenggiri, Gua Musang bagi menakung air hujan daripada terus memasuki sungai hingga menyebabkan banjir,” katanya kepada pemberita selepas majlis makan tengah hari bersama wartawan di sini semalam.